

24/05/2000

Dr M dijangka sampai ucaptama

KUALA LUMPUR, Selasa - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucaptama pada Persidangan Perniagaan Eropah-Asia pada 30 dan 31 Mei ini, di Kuala Lumpur.

Persidangan antarabangsa itu yang bertemakan 'Membentuk Semula Hubungan Perniagaan Asia Tenggara-Eropah Selatan: Keadaan Baru, Pembentuk, Aliran dan Peluang' akan membincangkan peluang perniagaan terbaru di Asia.

Selain itu, persidangan dua hari itu akan menilai perkembangan bidang pengangkutan dan infrastruktur, pelabuhan dan lapangan terbang serantau, peluang pelaburan di Thailand selepas krisis ekonomi, dan peluang perniagaan di Eropah dan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Program dua hari itu membuka peluang kepada rakyat Malaysia mempelajari kemajuan negara Eropah dalam bidang teknologi, pendidikan dan pelancongan.

Persidangan itu dianjurkan Kumpulan Utusan dengan kerjasama HIS Malaysia, sebuah syarikat persendirian beribu pejabat di Belanda.

Ia juga ditaja oleh Bank ABN AMRO, Schiphol (Asia) Sdn Bhd, Philips Malaysia Sdn Bhd dan Kumpulan DRB Hicom.

Persidangan itu terbuka kepada orang ramai khususnya ahli perniagaan, ahli ekonomi, usahawan, ketua syarikat, penasihat perniagaan serta pelajar jurusan perniagaan.

(END)